

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2014

SOALAN :

YB. Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sambutan program Pengalaman Homestay Malaysia di Wilayah Utara, berapakah jumlah pelancong yang telah mengikuti program ini dan perancangan masa hadapan Kementerian untuk terus memajukan industri inap desa khususnya di Wilayah Utara.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Julai 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah mendaftarkan sebanyak 27 buah kluster homestay di Wilayah Utara dari Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang dengan penglibatan seramai 559 orang pengusaha yang menawarkan sebanyak 727 buah bilik untuk pelancong. Pecahan kluster homestay di Wilayah Utara adalah seperti berikut:

Bil	Negeri Wilayah Utara	Jumlah Homestay	Jumlah Pengusaha	Jumlah Bilik
1	Perlis	3	56	64
2	Kedah	15	334	431
3	Pulau Pinang	9	209	232
	Jumlah	27	599	727

Program Pengalaman Homestay Malaysia ini memberi kesan yang positif kepada industri pelancongan negara khususnya masyarakat luar bandar termasuk Wilayah Utara. Ini berdasarkan peningkatan kedatangan pelancong ke homestay di Wilayah Utara sebanyak 12.3% dengan jumlah seramai 20,489 orang pelancong domestik dan asing pada Januari hingga Julai 2014 berbanding tempoh yang sama tahun 2013. Jumlah pendapatan yang telah dijana oleh pengusaha homestay di Wilayah Utara pada Januari

hingga Julai 2014 ialah sebanyak RM899,030 dengan peningkatan sebanyak 22.4% berbanding tempoh yang sama tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan komited dalam memajukan industri pelancongan terutamanya yang melibatkan homestay kerana ia membantu meningkatkan ekonomi dan sektor pelancongan luar bandar. Antara perkara yang sedang dan telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi memajukan Program Pengalaman Homestay Malaysia khususnya di Wilayah Utara ialah:

- i. memberi bantuan menaik taraf kemudahan guna sama (infrastruktur asas) di perkampungan Homestay yang berdaftar untuk keselesaan dan kepuasan para pelancong yang menginap di homestay;
- ii. melaksanakan program dan aktiviti homestay dengan kerjasama dengan agensi kerajaan di bawah kerajaan negeri Wilayah Utara yang terlibat dalam pembangunan homestay seperti MADA, KEDA, PERDA melalui inisiatif Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS) 9: *Visit My Kampung (VMK)*;
- iii. memberikan kursus-kursus bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengusaha homestay seperti kursus berkaitan pengurusan, pemasaran, keusahawanan, kewangan, hospitaliti dan bahasa asing (terutamanya Bahasa Inggeris). Para pengusaha homestay juga turut dilatih di bawah program *We Are The Host (WATH)* untuk menarik lebih ramai pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2014; dan

- iv. menyediakan platform promosi di dalam dan di luar negara yang melibatkan pengusaha homestay contohnya penyertaan di Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI), Karnival Jom Pi Cuti-Cuti Homestay, Program Travel Malaysia di Singapura, Roadshow Promosi Homestay di Jepun, Australia, Indonesia dan Korea.

Selain itu, dari segi perancangan masa hadapan bagi memajukan Program Pengalaman Homestay Malaysia khususnya di Wilayah Utara pula, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan melaksanakan perkara-perkara berikut:-

- i. mengklasifikasikan homestay berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan dalam ASEAN Homestay Standard yang akan digunapakai oleh negara-negara ASEAN bermula 2015;
- ii. mempromosikan Program Pengalaman Homestay ke pasaran baru yang berpotensi tinggi;
- iii. meningkatkan pembangunan keupayaan pengusaha homestay melalui kursus dan latihan bagi memastikan kualiti perkhidmatan homestay yang optimum diberikan dan menawarkan pakej-pakej homestay yang menarik; dan
- iv. mewujudkan lebih banyak kerjasama dengan pihak swasta dan Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam usaha untuk meningkatkan kedatangan pelancong dan pendapatan homestay.

Sekian, terima kasih.